

Minggu 1

Hari 1

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #1 & 2)</p> <p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #3)</p> <p>Renungan Hari Ini Ayat 17 „...mempersiapkan suatu umat untuk Tuhan.“ Adakah saya bersedia? Adakah apa-apa yang menghalang saya mengikut Yesus?</p>	<p>Baca: Luk. 1: 1-25 Pengenalan Injil Lukas: Luk. 1:1-4 1. Apakah tujuan Lukas menulis Injil Lukas?</p> <p>Ramalan akan kelahiran Yohanes Pembaptis: Luk. 1:5-11. 2. Daripada ayat-ayat tersebut, apakah dua perkara yang dapat kita ketahui tentang ibu bapa Yohanes Pembaptis?</p> <p>Lawatan malaikat: Luk. 1:11-20 3. Bagaimana malaikat menghiburkan Zakharia? 4. Bagaimana malaikat menghadapi keraguan Zakharia?</p> <p>Berita malaikat: Luk. 1:13-17 5. Yohanes bakal menjadi orang yang sebagaimana? 6. Apakah yang tidak harus dilakukan oleh Yohanes? 7. Apakah tugasnya?</p> <p>Hasil lawatan malaikat: Luk. 1: 21-25 8. Bagaimana orang mengetahui bahawa Zakharia telah menerima lawatan dari syurga? 9. Bagaimana nubuat malaikat digenapi?</p>
--	---

Minggu 1

Hari 2

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #4)</p> <p>Renungan Hari Ini Luk. 1:37- "Bagi TUHAN tiada perkara yang mustahil." Apakah keadaan mustahil yang pernah anda alami campur tangan TUHAN?</p>	<p>Baca: Luk. 1:26-45, 56; Mat. 1: 18-25 Malaikat melawat Maria: Luk. 1: 26-30, 34, dan 38</p> <ol style="list-style-type: none">1. Malaikat mana yang telah melawat Maria?2. Menurut ayat-ayat tersebut, apakah empat perkara yang dapat kita ketahui tentang Maria? <p>Berita Gabriel: Luk. 1:28-37</p> <ol style="list-style-type: none">3. Menurut Gabriel, apa yang akan terjadi kepada Maria?4. Apa yang dikatakannya tentang anaknya?5. Apa yang dikatakannya tentang Elisabet? <p>Maria melawat Elisabet: Luk. 1: 39-45, 56</p> <ol style="list-style-type: none">6. Apakah tindak balas Elisabet bila melihat Maria?7. Maria bersyukur kerana dipakai TUHAN dan menyanyikan lagu menjawab berkat Elisabet. Ianya dicatatkan dalam ayat-ayat 46-55. Berapa lama Maria tinggal bersama Elisabet? <p>Tindak balas Yusuf setelah mengetahui Maria mengandung: Mat. 1:18-25</p> <ol style="list-style-type: none">8. Dalam ayat-ayat tersebut, apakah tiga perkara yang dapat kita pelajari tentang Yusuf ?9. Apakah yang diberitahu malaikat tentang anak itu?
---	---

Minggu 1

Hari 3

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #5)</p> <p>Renungan Hari Ini Dalam ayat 66, jiran tetangga tertanya apakah yang akan dilakukan oleh Yohanes, "...kerana nyata sekali kuasa Tuhan menyertainya." Adakah kita melihat kuasa Tuhan menyertai mereka yang di sekeliling kita?</p>	<p>Baca: Luk. 1: 57-80 Kelahiran Yohanes: Luk. 1: 57-58 1. Sebahagian pengumuman Gabriel kepada Zakharia dalam Luk. 1:13-17 sudah pun digenapi. Bahagian mana?</p> <p>Yohanes disunat: Luk. 1:59-66 2. Bila Yohanes disunat? 3. Mengapa ibu bapanya menamakannya Yohanes? 4. Mengapa hal ini mengejutkan jiran tetangga mereka? 5. Apakah tindak balas jiran tetangga mereka terhadap apa yang terjadi?</p> <p>Lagu Zakharia: Luk. 1: 67-79 6. Adakah lagu Zakharia hanya daripada hatinya sahaja? Dari mana asalnya? 7. Dalam Luk. 1:68-75, Zakharia bernubuat bahawa Tuhan telah memulakan rancanganNya untuk menyelamatkan umatNya dan menggenapi janji-janjiNya kepada Daud dan Abraham. Kemudian dalam ayat-ayat 76-79, Zakharia bernubuat bahawa seseorang akan digelar nabi TUHAN Yang Maha Tinggi. Siapakah yang dinubuatkannya itu?</p> <p>Zaman kanak-kanak Yohanes: Luk. 1:80 8. Apa yang dilakukan oleh Yohanes?</p>
---	---

Minggu 1

Hari 4

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #6)</p> <p>Renungan Hari Ini Luk. 2:19 “Tetapi Maria menyimpan semua perkara itu di dalam hati dan merenungkannya.” Adakah saya menghargai dan merenungkan segala yang saya dengar dan lihat tentang Tuhan?</p>	<p>Baca: Luk. 2: 1-40 Perjalanan dari Nasaret ke Betlehem: Luk. 2: 1-5 1. Apa yang menyebabkan Yusuf membawa Maria dalam perjalanan melebihi 70 batu sedangkan dia hamil?</p> <p>Malam kelahiran Yesus: Luk. 2:6-20 2. Bagaimana Alkitab menghuraikan tempat kelahiran Yesus? 3. Bagaimanakah para gembala mengetahui bahawa apa yang dikatakan oleh malaikat adalah benar? 4. Apakah reaksi para gembala bila melihat malaikat-malaikat muncul? Apakah tindak balas mereka selepas mendengar berita itu? Apakah tindak balas mereka setelah melihat bayi Yesus? 5. Apakah yang dikatakan oleh malaikat tentang bayi yang telah dilahirkan ini?</p> <p>Persembahan di Rumah Tuhan: Luk. 2:21-40 6. Dalam Lukas 2:21-23, 27, dan 39 kita nampak tanda-tanda penyerahan Maria dan Yusuf kepada TUHAN. Bagaimanakah mereka menunjukkan kasih mereka terhadap Tuhan? 7. Bagaimanakah Alkitab menghuraikan Simeon? Apakah kesan nubuatnya terhadap Maria dan Yusuf? 8. Dalam semua nubuat tentang Yesus sebelum ini, tekanan diberi kepada penganapan perjanjian kepada Daud dan warisan takhta kekal Daud. Dalam ayat 32, rujukan dibuat kepada kumpulan lain yang akan menerima manfaat hasil kedatangan Yesus. Siapakah mereka? 9. Apakah reaksi Hana apabila melihat Yesus?</p>
---	--

Minggu 1

Hari 5

<p>(Lihat kajian tambahan, tajuk #7)</p> <p>Renungan Hari Ini Ayat 52: "Yesus bertambah besar dan bijaksana, dan Dia menyenangkan hati TUHAN mahupun manusia." Adakah saya bertumbuh dalam segala aspek supaya berkenan kepada TUHAN dan manusia?</p>	<p>Baca: Mat. 2: 1-23; Luk. 2: 41-52; Mikha 5: 2 Pelawat-pelawat dari Timur (Orang-orang Majus): Mat. 2: 1-12 dan Mikha 5: 2</p> <p>1. Raja Herodes, walaupun bukan orang Yahudi, telah dilantik oleh pihak Roma sebagai raja di Israel. Bila pelawat-pelawat dari Timur tiba dan bertanya tentang kelahiran raja orang Yahudi, Herodes bimbang ini akan mengakhiri kuasanya di kalangan mereka. Apakah perkara pertama yang dilakukannya?</p> <p>2. Tempat lahir Mesias telah dinubuat oleh Mikha. Bagaimana Betlehem dihuraikan?</p> <p>3. Bagaimana pelawat-pelawat dari Timur tahu bahawa mereka telah menemui anak itu?</p> <p>Melarikan diri ke Mesir: Mat. 2:13-23</p> <p>4. Mengapakah penting pelawat-pelawat dari Timur <u>tidak</u> melaporkan kedudukannya?</p> <p>5. Menurut ayat 16, berapakah umur Yesus ketika pelawat-pelawat dari Timur datang?</p> <p>6. Bagaimana Tuhan memimpin pelawat-pelawat dari Timur dan Yusuf?</p> <p>Satu-satunya cerita tentang zaman kanak-kanak Yesus: Luk. 2: 41-51</p> <p>7. Menurut ayat-ayat ini, bagaimana anda menghuraikan persekitaran di mana Yesus membesar?</p> <p>8. Apakah yang dilakukan oleh Yesus ketiga-tiga hari tersebut?</p> <p>9. Apakah tindak balas semua yang mendengar Dia?</p> <p>10. Apa yang dikatakan oleh Yesus bila disoal oleh ibu bapanya? Kemudian apa yang dilakukannya?</p>
--	--

jawapan: minggu 1

Hari 1

1. Tujuan Lukas menulis Injil ini ialah untuk merakamkan satu huraian teratur daripada saksi-saksi supaya kita dapat mengetahui dengan pasti apa yang diajarkan kepada kita tentang Yesus.
2. Kedua-dua ibu bapa Yohanes adalah keturunan para imam Yahudi. Mereka sudah tua dan tidak mempunyai anak. Mereka hidup benar dan patuh sepenuhnya kepada Tuhan.
3. Malaikat menghiburkan Zakharia dengan berkata, "Jangan takut," dan memberitahunya bahawa doanya sudah didengar dan Elisabet akan melahirkan seorang anak lelaki.
4. Malaikat memberitahu Zakharia bahawa dia akan bisu sehingga kata-kata malaikat terkabul.
5. Yohanes akan menggembirakan ibu bapanya dan dia akan menjadi orang besar di sisi Tuhan.
6. Yohanes tidak boleh minum wain atau sebarang minuman keras.
7. Tugas Yohanes adalah mempersiapkan jalan bagi Tuhan. Dia akan memimpin banyak orang Israel kembali kepada TUHAN mereka dan mempersiapkan mereka untuk Tuhan.
8. Ketika Zakharia bisu dan menggunakan isyarat untuk berkomunikasi, orang ramai menyedari bahawa dia telah melihat suatu penglihatan.
9. Selesai tempoh bertugas di Rumah Tuhan, dia kembali ke rumah dan Elisabet menjadi hamil.

Hari 2

1. Gabriel merupakan malaikat yang sama yang mengumumkan kelahiran Yohanes Pembaptis kepada bapanya, Zakharia.
2. Maria masih gadis dan sudah bertunang. Dia adalah keturunan Raja Daud. Tuhan amat berkenan dengannya. Dia rela melakukan segala yang dikatakan oleh malaikat.
3. Dengan kuasa Roh Kudus, Maria akan hamil dan melahirkan seorang anak laki-laki dan akan menamakannya Yesus.
4. Yesus akan menjadi besar dan akan digelar Anak TUHAN yang Maha Tinggi. Dia akan menjadi raja seperti moyangnya Daud dan kerajaannya akan kekal selama-lamanya.
5. Elisabet sudah hamil enam bulan.
6. Elisabet dipenuhi Roh Kudus dan dia memberkati Maria.
7. Maria tinggal bersama Elisabet selama tiga bulan.
8. Dia lelaki yang taat kepada hukum agama. Dia berbelas kasihan dan tidak mahu memalukan Maria yang hamil di hadapan awam. Dia lelaki salih yang mematuhi arahan malaikat.
9. Malaikat memberitahu Yusuf anak itu berasal daripada Roh Kudus. Dia harus menamakannya Yesus dan Yesus akan menyelamatkan umatNya daripada dosa mereka

Hari 3

1. Elisabet melahirkan anak laki-laki dan dia membawakan sukacita kepada mereka; ramai turut bergembira atas kelahirannya.
2. Yohanes disunat ketika berusia lapan hari.
3. Malaikat Gabriel sudah pun memberitahu Zakharia supaya memberikan nama itu kepada anaknya.
4. Jiran tetangga terkejut kerana mereka menyangka dia akan mengikut nama bapa, atau sekurang-kurangnya salah seorang sanak saudara.
5. Jiran tetangganya merasa terkejut dengan nama itu dan mereka dipenuhi rasa kagum. Mereka menceritakan semua ini di seluruh Yudea.
6. Zakharia dipenuhi Roh Kudus dan lagunya berupa satu nubuat.
7. Zakharia bernubuat tentang Yohanes.
8. Dia membesar secara jasmani dan rohani dan tinggal di padang gurun sehinggalah dia memulakan pelayanan di khalayak umum.

Hari 4

1. Setiap orang diwajibkan pulang ke kampung masing-masing untuk pendaftaran banci.
2. Hanya dikatakan tidak ada bilik di rumah tumpangan. Jadi, Dia ditempatkan dalam palungan. Ini mesti bermakna bahawa mereka tinggal setempat dengan binatang peliharaan.
3. Para gembala akan menemui bayi yang dibungkus dengan lampin berbaring dalam palungan.
4. Pada mulanya para gembala gentar. Kemudian mereka merasa ingin tahu dan terus bergegas untuk mencari bayi itu. Mereka memberitahu Maria dan Yusuf dan semua orang apa yang dikatakan oleh malaikat. Mereka pulang dengan rasa gembira.
5. Malaikat mengatakan bahawa seorang Penyelamat telah dilahirkan, Kristus Tuhan. (Nota: perkataan Kristus adalah perkataan Yunani yang membawa makna yang sama dengan perkataan Ibrani Mesias. Kedua-duanya bererti "Yang Diurapi.")
6. Mereka menuruti segala peraturan dan adat bagi Yesus.
7. Simeon dikatakan seorang yang baik, takut akan Tuhan, sedang menantikan keselamatan Israel dan Roh Kudus bersertanya. Maria dan Yusuf kagum dengan apa yang dikatakannya.
8. Dalam nubuat ini, Simeon mengatakan Yesus adalah terang bagi umat bukan Israel.
9. Dia mengucap syukur kepada Tuhan dan memberitakan tentang Dia kepada semua yang menanti-nantikan penebusan Yerusalem.

Hari 5

1. Pertama sekali Raja Herodes mahu mengetahui daripada semua ketua imam dan guru-guru di mana Yesus akan dilahirkan.
2. Betelehem merupakan salah satu kota terkecil di Yehuda.
3. Pelawat-pelawat dari Timur sedar bahawa mereka telah menemui anak itu bila bintang berhenti di tempat di mana Yesus berada.
4. Raja Herodes naik marah dan merancang untuk membunuh bayi tersebut bila dia menemuinya.
5. Yesus pastinya kurang dua tahun, tetapi bukan lagi bayi.
6. Mereka dipimpin melalui empat mimpi, pelawat-pelawat dari Timur, satu dan Yusuf, tiga.
7. Keluarganya tentulah salih kerana mereka menghadiri Hari Raya Paska setiap tahun. Nampaknya, ibu bapanya mempercayai dia kerana sehari perjalanan mereka menganggap dia ada bersama kawan-kawan dan ahli keluarga lainnya. Maria dan Yusuf merasa cemas dan kelihatan kecewa mencari-cari Yesus dituruti dengan perasaan marah atas kesusahan yang ditimbulkan. Mereka mengharapkan kepatuhan daripadaNya.
8. Yesus berada di Rumah Tuhan mendengar guru-guru agama dan menyoal mereka.
9. Semua orang kagum dengan pemahaman dan jawapannya.
10. Dia kelihatan terkejut dan bertanya mengapa mereka tidak menyangka bahawa Dia akan berada di Rumah Tuhan. Dia pulang bersama mereka ke Nazaret dan patuh kepada mereka.

kajian tambahan: minggu 1

Hari 1

1. Pasangan-pasangan mandul yang lain yang Tuhan berkati dengan anak:

Abraham dan Sarah – Kej. 18:10-15; 21:1-7

Ishak dan Ribka – Kej. 25:20-26

Yakub dan Rahel – Kej. 30:1-24

Elkana dan Hana – I Sam. 1

Manoah dan isterinya – Hak. 13

2. Lawatan-lawatan syurgawi yang lain:

Tuhan menampakkan diri kepada Abraham – Kej. 18:1

Malaikat Tuhan – (Dipercayai adalah Kristus sebelum Dia menjelma sebagai Yesus) – Kel. 3:2

Tentera malaikat mempertahankan nabi – II Raj. 6:15-17

Yesus melawat Paulus – Kis. 9:1-9

Malaikat membangunkan Petrus dan membawanya keluar dari penjara – Kis. 12:1-11

3. Nazar Nazir:

Kali pertama tercatatnya nazar nazir – Bil. 6

Orang nazir paling terkenal ialah Samson – Hak. 13:1-5; 16

Hari 2

4. Nubuat-nubuat Perjanjian Lama tentang kelahiran Mesias:

Nubuat Yesaya bahawa penyelamat akan dilahirkan oleh seorang dara – Yes. 7:14

Nubuat Yesaya tentang penyelamat – Yes. 9:6-7

Nubuat Yeremia bahawa Daud akan memerintah sebagai raja dan imam – Yer. 33:17-18

Hari 3

5. Sunat orang-orang Yahudi:

Pertama kali terjadi – Kej. 17:1-14, 23-27

Abraham menepati janji – Kej. 21:1-5

Ajaran Perjanjian Baru tentang sunat – Rom. 2:25-29; I Kor. 7:17-19

Hari 4

6. Penyucian dalam Taurat Musa:

Selepas kelahiran seseorang anak – Im. 12:1-8

Korban bakaran dan korban penghapus dosa – Im. 5:7-10

Pendamaian ialah melalui darah – Im. 17:11

Hari 5

7. Perayaan Paska atau Perayaan Roti tidak Beragi:

Perayaan Paska yang pertama – Kel. 12:17-39

Perayaan Paska – Kel. 23:14-15